

Kecewa aduan banjir kilat tak diendah

SUDAH 24 tahun saya menetap di Taman Bersatu Kulim, Kedah. Selama itu jugalah masalah banjir kilat di kawasan ini tidak dapat ditangani dengan berkesan, walaupun "berbakul-bakul" aduan kami ajukan kepada pihak berkuasa tempatan.

Taman Bersatu adalah antara taman yang tertua di Kulim, yang dibina pada 1970-an. Ia terletak lebih kurang dua kilometer daripada pusat bandar Kulim. Dulu, Taman Bersatu hanya dikelilingi ladang getah, sungai dan hutan belukar.

Tetapi dulu lain, sekarang lain. Kini, beberapa taman perumahan baru dibina di sekeliling Taman Bersatu seperti Taman Jati, Taman Jelutong, Taman Meranti dan banyak lagi, bagi menampung pertambahan jumlah penduduk yang pesat.

Cuba bayangkan, kawasan ladang getah dan hutan belukar ini ditarah untuk dijadikan kediaman, manakala sungai pula dijadikan parit dan longkang.

Tidak salah sebenarnya untuk membina taman perumahan di sekeliling Taman Bersatu ini, tetapi apabila sungai yang luas digantikan dengan parit dan longkang yang sempit, banjir kilat sering berlaku di Taman Bersatu apabila hujan. Ia kerana kedudukan Taman Bersatu yang rendah menyebabkan limpahan air yang banyak seterusnya mengakibatkan banjir.

Pihak berkuasa tempatan pernah membina longkang tambahan bagi laluan air berdekatan Lorong Merbau di Taman Bersatu. Tetapi ia hanya menyelesaikan masalah banjir buat sementara waktu.

Longkang sedalam satu meter yang dibuat tanpa tembok simen menyebabkan lalang dan pokok renek tumbuh meliar di tebing dan dasar longkang. Ia menyebabkan longkang menjadi cetek dan laluan air terhalang lalu menyebabkan banjir kilat.

Setiap kali hujan lebat, penduduk di sini pasti dilanda kebimbangan. Yang terkini, banjir kilat berlaku waktu petang empat hari sebelum Aidilfitri.

Banjir yang berlanjutan sehingga jam 8 malam, menyebabkan kami terpaksa berbuka puasa ketika rumah ditenggelami air. Rata-rata penduduk di sini adalah warga emas, jadi cuba bayangkan bagaimana mereka terpaksa bertungkus-lumus mengangkat permaidani dan peralatan elektrik. Kerugian terpaksa pula ditanggung, seperti kerosakan peralatan elektrik.

Apa yang kami harapkan ialah pihak berkuasa tempatan memperbaiki sistem saluran air di kawasan ini. Longkang dan parit yang ditutupi lalang dan pokok renek harap dapat dibersihkan secara berkala. Harapan kami agar pihak berkenaan dapat mengambil tindakan sewajarnya.

YANG RAFIAH HASSAN,
Taman Bersatu, Kulim, Kedah.

BH 11/11/2006